

16 FEB 1999

Sawit

KELAPA SAWIT: MALAYSIA HANTAR MISI TEKNIKAL KE VENEZUELA DAN COLUMBIA

KUALA LUMPUR, Feb 16 (Bernama) -- Malaysia akan menghantar misi teknikal ke Venezuela and Columbia untuk mengkaji sama ada negara-negara itu sesuai untuk perladangan kelapa sawit, kata Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberitahu beliau bahawa Presiden Venezuelen Dr Rafael Caldera berminat dengan kejayaan Malaysia dalam pembangunan tanah khususnya perladangan kelapa sawit dan menggunakannya untuk mewujudkan pekerjaan dan menangani masalah kemiskinan luar bandar.

"Dr Mahathir memberitahu saya perkara itu timbul dalam perbincangannya dengan Caldera ketika menghadiri sidang kemuncak G-15 di Jamaica baru-baru ini," kata Lim kepada pemberita pada acara rumah terbuka parti Gerakan sempena sambutan Tahun Baru Cina di ibu pejabat parti itu di sini hari ini.

Beliau berkata Menteri Luar Columbia, Dr Maria Emma Mejia Velez, yang melawat Malaysia dua minggu lepas telah meminta bantuan Malaysia dalam perladangan kelapa sawit.

Lim berkata pasukan teknikal itu akan menyediakan laporan-laporan mengenai potensi membuka ladang kelapa sawit di kedua-dua negara itu, katanya.

Beliau juga berkata negara-negara Amerika Latin yang lain seperti Brazil juga berminat untuk menanam kelapa sawit terutamanya di sebelah selatan negara itu.

Katanya para pelabur Malaysia sedar tentang potensi perladangan kelapa sawit di negara-negara berkenaan tetapi keberatan untuk terlibat kerana beberapa faktor seperti dasar milik tanah ke atas syarikat asing di negara-negara itu.

Satu lagi masalah, katanya, ialah soal pelaburan modal untuk permulaan dan sebagai negara-negara membangun, pinjaman daripada institusi kewangan antarabangsa seperti IMF dan Bank Dunia adalah penting.

Tetapi malangnya, kedua-dua institusi kewangan itu tidak begitu sensitif dan masih belum membuka mata terhadap potensi negara-negara ini dalam perladangan kelapa sawit secara besar-besaran, katanya.

Lim berkata IMF dan Bank Dunia mengenai berbagai syarat sebelum meluluskan pinjaman seperti projek itu tidak boleh merosakkan hutan dan perlu mesra alam sekitar.

"Sekiranya syarat-syarat itu diadakan 20 tahun lepas apabila Malaysia memulakan program pembangunan luar bandarnya, kita tidak akandapat melihat kejayaan skim FELDA land dan berjuta hektar ladang kelapa sawit," katanya.

Beliau berkata Malaysia boleh berbangga kerana walaupun kawasan hutan terpaksa dimusnahkan untuk pembangunan tanah, 58 peratus dari kawasan tanahnya masih dilitupi dengan hutan.

--BERNAMA

AKT WAT